

# Mahasiswa hutang keliling pinggang

## Tak dapat fokus pada pembelajaran kerana fikir masalah

**?** Saya mahasiswa sebuah institusi pendidikan tinggi swasta di Kuala Lumpur. Kehidupan sebagai pelajar di tengah-tengah kota metropolitan memang mencabar.

Walaupun niat untuk berjaya dalam hidup sangat tinggi, halangan tetap ada. Segalanya di ibu kota banyak memakan belanja besar.

Saya mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Saya gembira dan bersyukur atas pinjaman itu, sekurang-kurangnya membantu saya dalam mengurus kewangan harian.

Malangnya, duit pinjaman PTPTN tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan saya. Mungkin saya tidak bijak mengurus kewangan atau memang belanja di ibu kota ini tinggi.

Atas desakan kewangan dan persekitaran, akhirnya saya bekerja sambil selama enam bulan di kota raya. Bekerja sambil memberi saya peluang mendapat sedikit perbelanjaan tambahan. Malangnya, ia mengganggu perjalanan sebagai seorang pelajar.

Sepanjang tempoh bekerja, saya gagal satu subjek. Akhirnya saya berhenti daripada pekerjaan tersebut. Tidak lama selepas itu, saya dapat surat minta hutang berpunca ditipu ejen telekomunikasi.

Saya buntu Dr, adakah saya mesti bekerja sambil semula untuk membayar hutang atau fokus kepada belajar semata-mata.

Saya sudah mohon bekerja sambil tapi jadual yang dibuat majikan agak padat sehingga mengganggu masa ulang kaji saya dan rehat. Saya ingin minta bantuan ibu bapa tapi tidak sanggup



menyusahkan mereka yang juga memerlukan wang.

### JEJAK BANYAK HUTANG Kuala Lumpur.

**!** Masalah kewangan bukanlah masalah yang jarang dihadapi oleh pelajar. Kehidupan sebagai seorang pelajar kolej atau universiti sememangnya menyeronokkan, tapi tetap mempunyai cabaran sama ada dari sudut akademik, psikososial mahupun kewangan. Terdapat juga pelajar kolej atau universiti menghadapi masalah

seperti adik.

Perbelanjaan mengurus kewangan semasa menjadi pelajar universiti sangat memainkan pengaruh penting dalam menentukan sama ada wang yang ada dibelanjakan dengan betul atau tidak.

Dewasa ini, masalah kewangan melanda pelbagai peringkat lapisan masyarakat. Dilaporkan hutang isi rumah Malaysia semakin meningkat daripada 75.8 peratus pada 2010 kepada 76.6 peratus pada 2011, dan kepada 80.5 peratus pada 2013. Salah satu sebabnya adalah

gaya hidup.

Hidup seperti seorang pelajar kolej atau universiti mempunyai cara tersendiri. Seorang pelajar kolej masih belum ada pendapatan tetap. Oleh itu, perancangan terperinci dan gaya hidup bersesuaian berupaya membantu dalam memastikan wang yang ada dapat menampung perbelanjaan seharian sebagai seorang pelajar.

Adik bekerja sampingan untuk menampung sara hidup. Memang benar, pekerjaan sampingan boleh membantu menambah

perbelanjaan yang tidak mencukupi. Ia juga boleh digunakan dalam waktu kecemasan atau membeli buku.

Bagaimanapun, jika lebih banyak masa digunakan untuk bekerja sambil sehingga memberi kesan kepada pelajaran, ia sudah memberi kesan negatif.

Seperti mana yang adik alami, bekerja sambil menjejaskan mutu pelajaran sehingga adik gagal satu subjek. Jika adik ingin bekerja sambil, pastikan adik memilih pekerjaan dan waktu yang bersesuaian

agar tidak menjejaskan pelajaran.

Perancangan kewangan harian yang baik boleh diperolehi melalui jadual perbelanjaan kewangan. Selain itu, adik boleh menjimatkan wang dengan memasak sendiri. Jika adik menyewa bersama rakan-rakan, cuba amalkan memasak di rumah.

Penggunaan telefon bimbit yang berlebihan adalah antara punca kepada perbelanjaan yang meningkat. Usahakan mengelak daripada berbelanja berlebihan kepada perkara-perkara yang tidak perlu.

Dr tahu adik tidak mahu menyusahkan ibu bapa dari segi kewangan. Tetapi ada kalanya adik perlu memberitahu ibu bapa masalah kewangan dihadapi. Setidak-tidaknya mereka mengetahui kesulitan hidup adik. Terpujang kepada mereka untuk membantu atau tidak atas dasar keupayaan kewangan mereka.

Adik juga boleh berjumpa dengan pejabat Hal Ehwal Pelajar kolej atau universiti untuk sama-sama mencari jalan bagaimana masalah kewangan adik boleh diatasi.

Hidup ini memang penuh cabaran dan dugaan. Dr harap cabaran kewangan yang dialami tidak akan mematahkan semangat adik untuk terus menimba ilmu hingga menjadi insan berjaya.

# Remaja tak rapat dengan ibu bapa

diri sendiri kerana saya lihat ada kawan-kawan yang pandai mengemas dan memasak.

### PELAJAR ASRAMA Selangor.

**!** Pelajar asrama menghabiskan sebahagian besar kehidupan persekolahan di asrama sekolah. Apabila ini berlaku, hubungan keluarga dari aspek masa sama ada dengan

adik-beradik atau ibu bapa akan berkurangan.

Namun, ini tidak bermakna pelajar yang tinggal di asrama tidak akan mempunyai hubungan harmoni dengan keluarganya. Hubungan keluarga harmoni dibina berdasarkan banyak elemen. Antaranya termasuk elemen berkasih sayang, hormat menghormati dan jarak tempat tinggal hubungan tersebut.

Adik tinggal di asrama

penuh kerana niat baik melanjutkan pelajaran. Adik juga mempunyai cita-cita tinggi. Dr bangga dengan kesungguhan adik menuntut ilmu. Teruskan usaha murni adik ini. Dr doakan yang terbaik kepada adik.

Hubungan mesra adik dengan ibu bapa belum terlambat untuk ditingkatkan. Banyak cara untuk adik berhubungan mesra dengan keluarga. Contohnya, waktu melawat seperti pada

hari minggu atau waktu cuti persekolahan adik boleh gunakan sebaik-baiknya untuk memenuhi ruang-ruang kosong perhubungan antara adik dengan ibu dan bapa. Begitu juga membina hubungan mesra adik dengan adik-beradik lain.

Lumrahnya, masa yang banyak adik luangkan di asrama mengurangkan masa untuk memasak atau mengemas rumah. Itu juga mempengaruhi kemahiran

adik memasak. Ini banyak berlaku kepada remaja-remaja lain. Justeru, adik tidak perlu merasa malu pada diri sendiri.

Dewasa ini banyak cara untuk adik meningkatkan pengetahuan dan kemahiran memasak termasuk belajar melalui buku-buku resipi sedia ada. Adik juga boleh belajar resipi melalui rancangan televisyen atau laman web.

**?** Saya remaja yang sedang menuntut di salah sebuah sekolah asrama penuh. Saya gembira di asrama ini kerana mempunyai ramai kawan. Saya juga dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran dengan lebih tenang dan teratur. Saya bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Malangnya, saya tidak begitu mesra dengan ibu bapa. Ini mungkin kerana saya tinggal di asrama. Terus terang, saya tidak pandai mengemas rumah dan tidak pandai masak. Ada kalanya saya malu pada